AXCEL ATENOLOL TABLETS

Atenolol (50mg & 100mg)

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah Kegunaan Axcel Atenolol Tablets.
2. Bagaimana Axcel Atenolol Tablets Berfungsi.
3. Sebelum Mengambil Axcel Atenolol Tablets.
4. Cara Menggunakan Axcel Atenolol Tablets.
5. Semasa Menggunakan Axcel Atenolol Tablets.
6. Kesan- Kesan Sampingan.
7. Cara Penyimpanan Dan Pelupusan Axcel Atenolol Tablets.
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.

APAKAH KEGUNAAN AXCEL ATENOLOL TABLETS

Axcel Atenolol Tablets boleh digunakan untuk

- Kawalan tekanan darah tinggi
- Pengurusan sakit dada
- Kawalan degupan jantung yang tidak teratur
- Rawatan sakit jantung. Intervensi awal dan lewat.

BAGAIMANA AXCEL ATENOLOL TABLETS BERFUNGSI

Atenolol adalah penghalang beta, yang mana cara tindakan *atenolol* dalam rawatan tekanan darah tinggi adalah tidak jelas. Tindakan *atenolol* mungkin adalah mengurangkan kadar degupan jantung dan pengembangan menyebabkan ia berkesan dalam menyingkir atau mengurangkan simptom pesakit yang sakit dada. Intervensi awal dengan *atenolol* bagi sakit jantung membantu untuk mengurangkan saiz bahagian tisu jantung yang mati.

SEBELUM MENGAMBIL AXCEL ATENOLOL TABLETS

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi atau hipersensitif pada mana-mana komponen dalam persediaan ini.
- Jika anda mempunyai degupan jantung yang sangat perlahan; jantung anda tidak dapat mengepam darah sebanyak seperti keperluan badan; tekanan darah rendah; gangguan kitaran peripheral arterial yang serius; tahap kedua atau ketiga jantung tersumbat; *sick sinus syndrome* (koleksi degupan jantung yang tidak normal);
  Phaeochromocytoma (tumor *adrenal gland* yang jarang berlaku) yang tidak dirawat; kegagalan jantung yang tidak terkawal.

Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Atenolol Tablets anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda hamil atau menyusukan bayi
- Jika anda mempunyai masalah terhadap fungsi pernafasan.
- Jika anda mempunyai masalah ginjal.

Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan yang lain.

CARA MENGGUNAKAN AXCEL ATENOLOL TABLETS

Berapa banyak harus digunakan

Dos mesti selalu diubah berdasarkan keperluan pesakit dengan dos permulaan yang paling rendah.

<u>*Dewasa*</u>

Tekanan darah tinggi

Dos yang biasa ialah 50mg hingga 100mg, sekali sehari.

Sakit dada (Angina)

Dos yang biasa ialah 100mg sekali sehari, atau 50mg dua kali sehari.

Degupan jantung yang tidak teratur

Dos yang biasa ialah 50mg hingga 100mg, sekali sehari.

Selepas mengalami serangan jantung

Biasanya, anda akan bermula mengambil *atenolol* melalui suntikan intravena di hospital selepas mengalami serangan jantung.

Biasanya anda akan diberi satu 50mg tablet selepas 15 minit suntikan, diikuti dengan satu lagi 50mg tablet selepas 12 jam suntikan intravena, dan selepas 12 jam lagi kemudian, 100mg tablet akan diberikan secara oral. Selepas itu, anda perlu mengambil 100mg sekali sehari.

Jika anda pergi ke hospital beberapa hari selepas mengalami serangan jantung, anda akan bermula mengambil 100mg tablet sekali sehari untuk pencegahan serangan jantung jangka panjang.

<u>*Pesakit Berumur*</u>

Keperluan dos boleh dikurangkan, terutamanya dalam pesakit yang mempunyai masalah fungsi ginjal.

<u>*Kanak-kanak*</u>

Tiada pengalaman pediatrik dengan penggunaan a*tenolol* dan oleh sebab ini, ia tidak disarankan untuk digunakan bagi kanak-kanak.

<u>*Kegagalan ginjal*</u>

Jika anda mempunyai penjejasan fungsi ginjal yang serius, doctor anda akan mengurangkan dos *atenolol* berdasarkan kepada fungsi ginjal anda.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Atenolol Tablets, mengikut jenis masalah kesihatan yang anda mengalami.

Berapa lama perlu digunakan

Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

Jika terlupa menggunakan

Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Atenolol Tablets

AXCEL ATENOLOL TABLETS

Atenolol (50mg & 100mg)

mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Anda perlu hubungi doctor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Atenolol Tablets yang berlebihan.

SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL ATENOLOL TABLETS

Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang patut dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubatan lain.
- Ambil Axcel Atenolol Tablets mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Atenolol Tablets lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan lebihi dos pada setiap satu masa pengambilan.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Jangan memandu atau mengendalikan mesin jika pening semasa mengambil ubat ini.

KESAN- KESAN SAMPINGAN
Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Atenolol Tablets boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan yang biasa berlaku berikut telah dilaporkan:

- Degupan jantung yang sangat perlahan
- Kaki dan tangan sejuk
- Gangguan gastrousus
- Rasa lemah, letih atau kekurangan tenaga

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> reporting*).

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL ATENOLOL TABLETS

Penyimpanan
Jauhkan Axcel Atenolol Tablets dari jangkauan kanak-kanak.
Simpan di bawah 30ºC.
Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

Pelupusan
Jangan gunakan apabila telah lepas tarikh luputnya.
Jangan buang ubat tersebut di dalam air atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Axcel Atenolol-50 Tablets
Berwarna putih dan berbentuk bulat, bersalut film tablet, garisan dicetak pada satu bahagian dan satu lagi bahagian terdapat logo KOTRa.

Axcel Atenolol-100 Tablets
Berwarna oren dan berbentuk bulat, bersalut film tablet, garisan dicetak pada satu bahagian dan satu lagi bahagian terdapat logo KOTRa.

Bahan- bahan kandungan
Bahan Aktif:
Atenolol

Bahan Tidak Aktif:
Magnesium Carbonate Heavy, Corn Starch, Sodium Lauryl Sulphate, Pregelatinised Corn Starch, Magnesium Stearate, Purified Water dan Ejen Coating (Opadry II White atau Opadry II Orange).

Nombor MAL
MAL

PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK
KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

TARIKH KEMASKINI
01/11/2014